



26 April 2012  
26 April 2012  
P.U. (A) 110

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PROMOSI SEKOLAH ANTARABANGSA ATAU SWASTA) 2012

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR PROMOTION OF  
INTERNATIONAL OR PRIVATE SCHOOL) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PROMOSI SEKOLAH ANTARABANGSA ATAU SWASTA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Promosi Sekolah Antarabangsa atau Swasta) 2012.**
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi—
  - (a) suatu sekolah antarabangsa atau swasta yang merupakan—
    - (i) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
    - (ii) suatu pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];
  - yang bermastautin di Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan telah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian itu di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];
  - (b) suatu sekolah antarabangsa atau swasta yang menjalankan perniagaan penyediaan pendidikan di suatu sekolah yang terletak di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan

- (c) suatu sekolah antarabangsa atau swasta yang tidak layak untuk suatu potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Promosi Eksport Perkhidmatan) 1999 [P.U. (A) 193/1999].

### **Potongan**

3. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu sekolah antarabangsa atau swasta daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan dari jenis yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang telah dilakukan—

- (a) oleh sekolah itu, dalam tempoh asas itu, berkenaan dengan perniagaan itu; dan
- (b) terutamanya dan khususnya bagi maksud mempromosikan sekolah antarabangsa atau swastanya yang dijalankan dan terletak di Malaysia.
- (2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebutkan dalam subkaedah (1) ialah—
- (a) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyelidikan pasaran bagi pendidikan sekolah antarabangsa atau swasta;
- (b) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyediaan maklumat teknikal kepada seseorang di luar Malaysia yang berhubungan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh sekolah itu di Malaysia;
- (c) perbelanjaan berkenaan dengan perjalanan ke suatu negara di luar Malaysia oleh seorang wakil sekolah itu (tidak lebih daripada tiga orang) bagi maksud menyertai pameran pendidikan yang diadakan di luar Malaysia dan diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan perbelanjaan sebenar itu tertakluk kepada—

- (i) tambang kapal terbang kelas ekonomi;
  - (ii) maksimum sebanyak tiga ratus ringgit sehari untuk penginapan; dan
  - (iii) maksimum sebanyak satu ratus lima puluh ringgit sehari untuk makanan,

bagi keseluruhan tempoh bermula dari tarikh wakil itu bertolak dari Malaysia dan berakhir pada tarikh dia kembali ke Malaysia;
- (d) perbelanjaan yang secara langsung dilakukan bagi menyertai pameran pendidikan yang diadakan di luar Malaysia dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia selain daripada perbelanjaan yang dinyatakan dalam perenggan (2)(c); atau
- (e) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan publisiti dan iklan dalam apa-apa media di luar Malaysia bagi mempromosikan sekolah antarabangsa atau swasta di Malaysia.
- (3) Jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (2) bagi maksud menyertai pameran pendidikan yang diadakan di luar Malaysia hendaklah merupakan tambahan kepada apa-apa potongan yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta dan hendaklah tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran.
- (4) Tiada apa-apa potongan boleh dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan apa-apa belanja pasti, perbelanjaan atau bayaran lain yang—

- (a) dari jenis yang disebut dalam subseksyen 39(1) Akta; atau
- (b) dilakukan oleh suatu sekolah antarabangsa atau swasta yang mempunyai tempat perniagaan dan tertakluk kepada cukai di